

# Mekanisme Pendidikan Insan dan Ciri-Ciri Kekuatannya Berdasarkan Analisa Ayat-Ayat Al-Qur'an Terpilih

Mohamad Hilmi Mat Said

*Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Kuantan, Pahang, MALAYSIA.*

## Article information

Received 21 December 2014

Received in revised form 21 September 2015

Accepted 5 October 2015

## Abstrak

Tulisan ini akan mengutarakan satu mekanisme pendidikan insan berasaskan ciri-ciri kekuatan mereka menurut pandangan al-Qur'an dan al-Sunnah. Kajian ini adalah bertujuan menunjukkan bahawa pendidikan insan yang sebenarnya sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah S.W.T di dalam kitab-Nya. Kegagalan manusia dari menuruti kaedah sebagaimana yang diperjelaskan menerusi firman-Nya bakal mengakibatkan kepincangan berlaku di dalam masyarakat manusia hari ini. Pendekatan yang telah dinukilkan oleh Allah S.W.T menerusi kitab-Nya ternyata adalah mekanisme terbaik untuk mengatasi segala permasalahan umat dan kaedah penjanaan akhlak serta sahsiah manusia. Kesediaan pihak yang terlibat dalam pembangunan insan mengaplikasikan modul yang berteraskan kepada tiga prinsip yang dinyatakan dalam artikel ini, dipercayai mampu membendung permasalahan sosial yang kini semakin membimbangkan. Dalam masa yang sama ia menjamin sahsiah mulia dalam kalangan masyarakat. Sesungguhnya keperluan terhadap pembacaan ayat-ayat-Nya, penganjuran program-program pendidikan insan, pembersihan jiwa dan kefahaman yang jitu terhadap dua peninggalan agung Rasulullah S.A.W adalah pemangkin utama dalam diri setiap insan beragama Islam. Hasilnya pembentukan generasi mapan yang bakal membangunkan negara di masa akan datang akan berjaya direalisasikan.

*Keywords:* Mekanisme, Pendidikan insane, al Quran

## PENDAHULUAN

Artikel ini akan mengutarakan satu mekanisme mendidik insan berasaskan ciri-ciri kekuatan mereka menurut pandangan al-Qur'an. Kajian ini adalah bertujuan menunjukkan bahawa pendidikan insan yang sebenarnya sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah S.W.T di dalam kitab-Nya. Kegagalan manusia dari menuruti kaedah sebagaimana yang diperjelaskan menerusi firman-Nya bakal mengakibatkan kepincangan berlaku di dalam masyarakat manusia hari ini. Ini sebagaimana firman Allah Ta'ala di dalam surah al-Rum ayat 41.

*Maksudnya: "Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya Yang demikian) kerana Allah bendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."*

Kemusnahan di muka bumi ini sama ada yang berlaku di daratan seperti terjadinya ketandusan tanah, wabak yang menyebabkan kematian haiwan-haiwan ternakan, kelaparan,